

SULIT
1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Ogos/September
2015
 $2\frac{1}{2}$ jam

1103/2



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2015

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawab bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d), dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

[Lihat sebelah
SULIT

Soalan 1: Rumusan**[30 markah]**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang usaha-usaha memerangi kejadian jenayah dan kekangan-kekangan untuk memeranginya. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kejadian jenayah seperti pembunuhan menggunakan senjata api yang semakin berleluasa sekarang merupakan fenomena baharu. Perkembangan ini sudah tentu amat membimbangkan orang ramai. Hal ini bukan lagi adegan layar biru yang selalu kita tonton di panggung wayang mahupun televisyen, tetapi kini benar-benar berlaku di negara ini. Lantaran itu, usaha menangani kes jenayah ini amat perlu dan yang paling penting membanterasnya daripada terus berlaku. Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar memberi jaminan PDRM akan mempertingkatkan penguatkuasaan keselamatan, terutama bagi mengatasi jenayah yang berleluasa.

Sebenarnya banyak faktor yang menyebabkan berlakunya kejadian jenayah. Selain kebanjiran masuk warga asing ke negara ini yang mungkin menyumbang peningkatan kadar jenayah, faktor pemansuhan Ordinan Darurat (EO) dan pemerolehan senjata api dengan cara yang mudah kerana kedudukan Malaysia bersempadan dengan Thailand turut menjadi punca. Berikutan peningkatan kes jenayah di negara ini, pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga akan mempertingkatkan penguatkuasaan kawalan keluar masuk di sempadan Kelantan – Thailand kerana terdapat kelonggaran dalam urusan keluar masuk penduduk di sempadan Thailand dan Kelantan atas pelbagai alasan. Polis Diraja Malaysia juga telah mewujudkan Unit Risikan Bersepadu sebagai pusat pengumpulan dan risikan jenayah. Pihak polis dan Kementerian Dalam Negeri turut mengkaji cadangan mewujudkan talian khas kecemasan yang disambungkan terus ke Bukit Aman supaya tindakan pantas dapat dilaksanakan dalam tempoh masa lebih singkat.

Bagi menangani masalah jenayah secara efektif, kerajaan bersedia memberikan apa-apa sahaja yang diperlukan oleh Polis Diraja Malaysia untuk menambah keberkesanan dan usaha pasukan itu untuk memerangi jenayah. Sebuah jawatankuasa kecil khususnya melibatkan soal perundangan telah diwujudkan untuk menentukan peruntukan perundangan tambahan bagi memerangi jenayah. Menurut Perdana Menteri, kadar jenayah semakin menurun selepas Program Transformasi Kerajaan dilaksanakan sejak tahun 2009. Polis Diraja Malaysia juga mengambil inisiatif mewujudkan Unit Rondaan Bermotosikal sempena program Bersatu Perangi Jenayah yang melibatkan kawasan perumahan.

Di samping itu, kerajaan turut menambah peruntukan untuk menyediakan Kamera Litar Tertutup di kawasan perumahan dan lot perniagaan yang memerlukan. Akhir sekali, sebagai mengakui peranan penting masyarakat dalam usaha memerangi masalah jenayah, pihak polis *mempraktikkan konsep 3K* iaitu kolaboratif, kreativiti dan komunikasi sekali gus menjadikan masyarakat sebagai rakan dalam usaha membanteras jenayah. Tegasnya melalui konsep ini, masyarakat berasa lebih selamat dan selesa dengan kehadiran polis serta mudah bagi mereka untuk berinteraksi di samping bekerjasama dengan pihak polis.

Secara tuntasnya, usaha memerangi jenayah ialah satu ‘peperangan’ yang memerlukan komitmen dan sokongan berterusan daripada semua lapisan masyarakat secara aktif dan proaktif. Hal ini bagi mewujudkan persekitaran yang selamat kepada rakyat, selain adanya kuasa perundangan kepada pihak berkuasa.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Menangani Jenayah Berat’
oleh Hj Samat B. Buang,
Fokus SPM, Oktober 2013

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mempraktikkan konsep*.
[2 markah]
- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa sebab berlakunya kejadian jenayah.
Nyatakan sebab-sebab tersebut.
[3 markah]
- (iii) Kejadian jenayah yang semakin berleluasa akan menyebabkan pelbagai kesan.
Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan yang akan berlaku sekiranya kes jenayah ini tidak ditangani?
Jelaskan **dua** kesan.
[4 markah]

[Lihat halaman sebelah]
SULIT

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Abang takut mati?” dia menghadiahi pandangan menguji. “Setiap kita akan mati.”

“Ya, tapi bukan menunggu begini.”

“Lahir saya di sini, mati saya biarlah juga di sini.”

“Belum tentu, sayang. Bayangkan taman nasional ini meletup, lahar panasnya terpelanting jauh ke atmosfera, kemudian jatuh entah ke mana. Kita juga akan terpelanting, lebur, dan berkecaci entah di mana.”

Dia terkebil-kebil memandang Adam, suami yang sabar memujuk lembut dengan kesabaran entah berapa lapis menghadapi kedegilan seorang isteri.

“Kita tidak mungkin berkubur di Yellowstone. Barangkali terpelanting ke Boston, entah-entah ke Miami, mungkin juga ke lain. Kaki terpelanting ke timur, kepala tercampak ke barat.”

Astaghfirullahalazim! Kecut perutnya membayangkan kata-kata Adam. Itulah risiko tertinggi untuk terus mempertahankan hak warisan Ahmad Abdullah di atas Taman Nasional Yellowstone, berkawahkan gunung berapi di dasarnya. Magmanya menunggu masa menceratkan lava dalam waktu terdekat.

“Allah minta kita berusaha. Lari daripada musibah juga satu usaha. Kita pulang ke kampung saya. Hawa boleh menjelak waris Ahmad Abdullah di sana.”

Dipetik daripada cerpen ‘Tanggar Amanat’
oleh Amaruszati Noor Rahim
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Nyatakan kesan-kesan yang akan berlaku jika taman nasional tersebut meletup.

[2 markah]

- (ii) Belakangan ini negara kita sering dilanda bencana alam.

Berikan pendapat anda, tentang persediaan yang perlu dilakukan bagi menghadapi bencana alam.

[3 markah]

- (iii) Huraikan **satu** perwatakan Hawa yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan **satu** perwatakannya yang lain yang tidak terdapat dalam petikan.

[4 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka pada ketika yang baik, Raja Ahmad pergi menemui Raja Muhammad. Apabila berhadapan askar kedua-dua itu, mereka pun berperang. Tempik sorak segala hulubalang dan rakyat kedengaran amat hebat. Askar kedua-dua pihak ramai yang mati dan luka sebab beramuk-amuk sesama sendiri. Dalam pergaduhan itu matilah Raja Muhammad dan Raja Ahmad.

Tinggallah Merah Silu dengan Merah Hasum berdua saudara dan saki-baki rakyat yang masih hidup. Mereka menyembah mengaku akan taat setia kepada anak raja kedua itu untuk terus tinggal di dalam negeri itu.

Tiada beberapa lama kemudian, Merah Silu berkata kepada saudaranya, Merah Hasum itu, “Hai saudaraku, betapa bicara kita kerana kita ini hanya dua bersaudara tinggal kerana nenek dan ibu bapa kita telah hilang dalam negeri Semerlanga ini! Jikalau kita diam dalam negeri ini, sekali-kali tiada memberi manfaat kepada kita. Baiklah kita pindah dari negeri ini mencari tempat yang baik supaya kita dapat diam di sana.”

Setelah *putus bicara* dua bersaudara itu, pada ketika yang baik, mereka pun keluar meninggalkan negeri Semerlanga. Mereka mengikut jalan arah matahari mati.

Dipetik daripada
‘Merah Silu’
dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud *putus bicara*.
[2 markah]
- (ii) Nyatakan tiga kesan yang berlaku akibat peperangan antara Raja Muhammad dengan Raja Ahmad.
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang wajar dilakukan oleh pemimpin sesebuah negara untuk menyelesaikan konflik negaranya dengan negara lain?
[3 markah]

Soalan 2 (d) – Petikan Puisi Tradisional

Baca syair di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SYAIR PEMBERONTAKAN PATANI

Laksamana dititahkan Betara,
Ke negeri Patani berjalan segera,
Mendapat cogan Raja Senggora,
Akan menerima hukum dan dera.

Barang yang hendak dihukumkan,
Sekalian tidak boleh disalahkan,
Kesalahan pinta dimaafkan,
Pegawai yang dipegang itu dipohonkan.

Setelah demikian titah Betara,
Laksamana tiada berani dura,
Kerana negeri hendak dipelihara,
Kelak menjadi huru-hara.

*Bonda Duli Mahkota Indera,
Pada Laksamana emak saudara,
Sakit terlantar hampir bermara,
Meninggalkan dia tiada terkira.*

Daripada kerja terlalu berat,
Ke atas negeri hendak mudarat,
Jadilah dititahkan duli hadirat,
Bimbang dan masyghul disuruh kerat.

Tiadalah lagi berkata-kata,
Sudah dengan titah Sang Nata,
Diputuslah hati yang bercinta,
Kepada Allah diserah semata.

Niat Laksamana yang pegari,
Daulat baginda barang berdiri,
Jika selamat sentosa negeri,
Biarlah susah di atas diri.

Berjalan ia berhati hampa,
Bonda yang sakit tiada dilupa,
Kerana sakit berat menimpa,
Yakin hatinya tiada berjumpa.

Daripada sudah demikian peri,
Keberatan tertangung di atas negeri,
Yang sakit itu seorang diri,
Bala yang datang meliput negeri.

Jadilah dititahkan Seri Betara,
Tiadalah lagi terkira-kira,
Berjalanlah pergi bersegera-segera,
Mendapat cogan Raja Senggora.

Puisi Melayu Tradisi, 1993
Oxford Fajar Sdn. Bhd.

- (i) *Bonda Duli Mahkota Indera,
Pada Laksamana emak saudara,
Sakit terlantar hampir bermara,
Meninggalkan dia tiada terkira.*

Berikan maksud rangkap syair di atas.

[2 markah]

- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah Laksamana sanggup melaksanakan tugas seperti yang dititahkan oleh Betara?

Berikan alasan anda.

[3 markah]

- (iii) Huraikan **dua** nilai murni yang terdapat dalam syair tersebut.

[4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**[30 markah]*****Jawab semua soalan.***

- (a) **Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.**

- (i) lasykar
- (ii) bahtera
- (iii) masyghul
- (iv) makam
- (v) gering
- (vi) singgahsana

[6 markah]

- (b) **Kenal pasti jenis ayat-ayat di bawah. Tentukan sama ada ayat-ayat tersebut ialah ayat aktif transitif atau ayat aktif tak transitif.**

- (i) Haji Ismail berserban setiap kali keluar rumah.
- (ii) Siti Sarah menjeling manja ke arah kami apabila namanya dipanggil.
- (iii) Saya yakin bahawa berita itu sungguh mendebarkan anda.
- (iv) Malaysia menghulurkan bantuan kepada mangsa krisis pererangan di Palestin.
- (v) Puan Mariam menyiram pokok-pokok bunga di halaman rumahnya pada setiap petang.
- (vi) Beberapa orang pengunjung masih bersiar-siar pada waktu senja.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pihak pengurusan pasar borong terbesar itu memperkenalkan tiket pra-bayar untuk kemudahan pengunjung meletakan kenderaan di premis tersebut.
- (ii) Langkah kerajaan menurunkan tarif lektrik bagi penggunaan domestik dan komersial akan mengurangi kos operasi pelbagai sektor industri bagi mempertukuhkan kedudukan ekonomi negara.
- (iii) Hubungan antara bangsa yang dijalin erat membolehkan Malaysia dikenali seluruh dunia hasil kerjasama antara pemimpin dengan rakyat.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau atau istilah dan satu kesalahan penggunaan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pasukan badminton negara telah berjaya mengekalkan kejuaraan dalam kejohanan badminton di peringkat dunia selama dua tahun berulang-ulang.
- (ii) Kejatuhan harga komuniti getah dan kelapa sawit telah menjaskannya pendapatan golongan para petani.
- (iii) Rambut Malik dikerat oleh guru disiplin kerana teramat panjang sangat walaupun telah diberi amaran.

[6 markah]

(e) *Isikan tempat kosong di bawah ini dengan peribahasa yang sesuai.*

Sekolah merupakan tempat yang mampu melahirkan modal insan yang akan membangunkan negara. Oleh itu, para pendidik dan pelajar haruslah menjalankan hubungan yang erat dan bekerjasama _____ agar matlamat itu menjadi realiti. Selain itu, warga sekolah haruslah berusaha dengan gigih untuk menempa kejayaan yang cemerlang kerana _____. Namun demikian, setelah menempa kejayaan para pelajar juga janganlah menjadi _____ kerana kejayaan itu tidak akan tercapai tanpa jasa dan sumbangan guru.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel**[15 markah]**

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut.

- (i) Papa... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
 - (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
 - (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
 - (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
 - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
 - (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
 - (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
 - (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji,uraikan dua peristiwa yang menunjukkan usaha watak-watak saling membantu dalam menyelesaikan masalah.

[7 markah]

- (b) Unsur saspens yang dikemukakan oleh pengarang adalah untuk menimbulkan minat dalam diri pembaca agar meneruskan pembacaan mereka.

Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari,uraikan satu peristiwa yang menunjukkan unsur saspens dalam setiap novel tersebut.

[8 markah]**KERTAS SOALAN TAMAT**